

KASUS AKUSATIF DAN KASUS KAUSATIF BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS TEORI KUASAAN DAN TAMBATAN

RUSYDIAH ABD SALAM
Universiti Kebangsaan Malaysia
deyyasalem910703@gmail.com

*NASRUN ALIAS**
Universiti Kebangsaan Malaysia
nursan@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan kasus akusatif dan kasus kausatif bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu, penelitian mengenai kasus dilihat masih lagi terhad. Kasus ialah salah satu aspek kajian yang tercakup di bawah bidang sintaksis. Aspek kasus ini mula diperkenalkan oleh Fillmore (1968). Walau bagaimanapun, aspek ini telah dibincangkan semula dengan lebih mendalam oleh Chomsky (1982) yang kemudiannya telah memperkenalkan prinsip tapisan kasus dalam teori Kuasaan dan Tambatan (KT). Teori KT yang dipelopori oleh Chomsky (1982) ini merupakan perkembangan daripada teori Transformasi Generatif (TG) (1957). Analisis kajian ini menggunakan teori KT yang merupakan satu teori mengenai struktur lingusitik yang bermatlamat untuk menjelaskan tentang prinsip dan elemen yang beroperasi dalam bahasa yang dituturkan oleh manusia. Kajian ini menggunakan data intuisi pengkaji yang merupakan penutur natif bahasa Melayu. Contohnya, kata kerja *mengeringkan*, *memecahkan* dan *menghancurkan* data bagi kasus kausatif. Manakala, kasus akusatif pula diwakili oleh kata kerja *melawan*, *menahan* dan *merasa*. Kasus kausatif boleh dirujuk sebagai bentuk kasus yang menunjukkan sebab berlakunya sesuatu kejadian. Bagi kasus akusatif pula, merujuk pada bentuk kasus yang menunjukkan kata nama itu sendiri mengalami sebab oleh sesuatu kejadian itu berlaku. Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk menambah kosa ilmu kasus bahasa Melayu, di samping mencadangkan satu dapatan yang saintifik berkaitan dengan kasus bahasa Melayu memandangkan masih terdapat kelompangan dalam kajian-kajian lepas akibat kekangan masa dan kemampuan yang terhad oleh pengkaji lepas. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan ciri dan bentuk penandaan kedua-dua kasus yang terlibat serta menganalisis proses penandaan kasus tersebut bagi membuktikan bentuk kasus ini sememangnya wujud dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: akusatif; bahasa Melayu; kasus; kausatif; sintaksis; teori

ACCUSATIVE CASE AND CAUSATIVE CASE OF MALAY: AN ANALYSIS OF GOVERNMENT AND BINDING THEORY

ABSTRACT

This paper discusses the accusative case and causative case in Malay language. In Malay language, research on cases is still limited. Case is one of the aspects of study covered under the field of syntax. This aspect of case was first introduced by Fillmore (1968). However, this aspect was discussed again in more depth by Chomsky (1982) who later introduced the principle of case filter in the theory of Government and Binding (KT). The KT theory pioneered by Chomsky (1982) is a development from the theory of Generative Transformation (TG) (1957). The analysis of this study uses the KT theory which is a theory of linguistic structure that aims to explain the principles and elements that operate in the language spoken by humans. This study uses the intuition data of the researcher who is a native speaker of the Malay language. For example, the verbs *mengeringkan*, *memecahkan* and *menghancurkan* data for the causative case. Meanwhile, the accusative case is represented by the verbs *melawan*, *menahan* and *merasa*. The causative case can be referred to as a form of case that shows the cause of an event. For the accusative case, it refers to the case form that shows that the noun itself is caused by an event. The importance of this study is to increase the vocabulary of Malay case knowledge, in addition to propose a scientific finding related to the case of the Malay language given that there are still gaps in past studies due to time constraints and limited capabilities of past researchers. Therefore, this study will describe the characteristics and patterns of both cases involved and analyze the process of marking the case to prove that this case form does exist in the Malay language.

Keywords: accusative; case; causative; Malay language; syntax; theory

PENGENALAN

Teori kasus ialah sebuah teori yang berkait dengan penandaan kasus abstrak pada FN dan mengawal penyebarannya pada struktur-L atau juga sering dikenali sebagai struktur-P (struktur permukaan). Teori kasus ini mula diperkenalkan oleh C. J. Fillmore (1968). Secara mudahnya, teori kasus merupakan bentuk namaan suatu FN untuk menyatakan hubungan FN itu dengan kata kerja dalam ayat. Walau bagaimanapun, teori ini telah dibahaskan dan dibincangkan semula dengan lebih mendalam oleh Chomsky (1982) yang kemudiannya telah memperkenalkan prinsip tapisan kasus dalam teori kasus tersebut. Menurut Chomsky (1982) teori kasus adalah untuk menentukan sama ada suatu ayat itu gramatis atau tidak. Hal ini demikian kerana, menurut syarat tapisan kasus yang dikemukakan oleh Chomsky, iaitu **FN, jika FN itu mempunyai realisasi fonetik dan tidak mempunyai kasus pada struktur-L*. Syarat ini nyata dalam tapisan kasus. Prinsip ini telah menyatakan dengan jelas bahawa setiap FN yang mempunyai realisasi fonetik dalam semua bahasa mesti ditandakan dengan kasus. Prinsip ini prinsip yang bersifat sejagat. Hal ini bermaksud bahawa prinsip ini beroperasi ke atas semua bentuk FN dalam semua bahasa. Maka, semua FN yang nyata (overt), iaitu yang mempunyai pewujudan fonetik mesti mempunyai kasus.

Menurut Kamus Linguistik (1997) pula, kasus ialah kategori tatabahasa bagi kata nama atau kata berfleksi sepertinya yang menunjukkan hubungannya dengan kata-kata lain dalam sesuatu ayat. Kepentingan kasus dalam sintaksis ialah untuk menentukan dan menandakan fungsi tatabahasa bagi suatu frasa berkenaan dalam sebuah ayat atau klausa yang berperanan sebagai subjek, objek langsung atau pemilik. Selain itu, kasus juga penting untuk menentukan kegramatisan sesuatu ayat kerana ayat boleh menjadi tidak gramatis jika tiada penanda kasus yang akan menanda Frasa Nama pada struktur luaran. Dalam binaan sesebuah ayat, posisi kata nama sama ada di posisi subjek dan objek boleh berubah kedudukannya. Perubahan kata nama sebelum ini tidak pernah dikaitkan dengan apa-apa unsur, tetapi Chomsky (1986a) mengatakan bahawa ada unsur yang tertentu yang menguasai kata nama, iaitu kepala. Kepala hanya boleh menanda satu unsur pada frasa nama. Contohnya, jika kata kerja transitif *mencuci* yang mengawal frasa nama *baju* yang mengikutinya secara langsung maka, terbentuklah kasus objektif. Hal ini demikian kerana, penandaan kasus objektif yang diberikan oleh kata kerja transitif *mencuci* secara langsung kepada frasa nama *baju* dapat dijelaskan sebagai kasus struktur yang ditandakan pada struktur-p. Kata kerja transitif yang mengawal frasa nama berstatus objek hanya boleh menanda kasus objektif sahaja. Terdapat beberapa bentuk kasus lain lagi antaranya, kasus nominatif, kasus subjektif, kasus genetik, kasus lokatif, kasus akusatif, kasus benefaktif, dan kasus kausatif.

Dalam bahasa Melayu terdapat dua jenis bentuk kasus, iaitu kasus yang berbentuk nyata (overt) dan kasus yang tidak berbentuk nyata (non-overt). Walau bagaimanapun, dua bentuk kasus yang akan diuraikan dalam bahagian dapatan kajian selepas ini hanya melibatkan bentuk kasus yang tidak nyata. Dua bentuk penandaan kasus iaitu, penandaan kasus secara inheren dan struktural. Jenis kasus bahasa Melayu ini dapat dibezakan melalui dari segi penandaan kasus. Mengikut fitur kata frasa kerja dan frasa preposisi boleh menjadi penanda pada frasa nama kerana tidak mempunyai nilai frasa nama. Frasa kerja dan frasa preposisi ini juga tidak boleh ditanda kerana kedua-dua frasa ini yang selalunya menjadi penanda ataupun penguasa kepada kata nama dan kata adjektif. Di samping itu, kedua-dua frasa ini boleh membentuk frasa leksikal sendiri dan boleh menjadi penguasa. Manakala, frasa adjektif dan frasa nama merupakan bukan satu kelompok kata nama, tetapi kedua-duanya sama sifatnya jika dilihat pada fitur kata (Chomsky, 1986a).

Fokus perbincangan makalah ini adalah berkaitan dua bentuk kasus bahasa Melayu iaitu, kasus akusatif dan kasus kausatif. Dua jenis kasus yang dibincangkan ini akan diperincikan mengenai ciri dan bentuk penandaan serta bagaimana proses penandaan bagi dua kasus yang terlibat dibuat yang mana analisisnya berdasarkan teori Kuasaan dan Tambatan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian-kajian terhadap bidang sintaksis sebenarnya sudah ada dilakukan oleh pengkaji lepas tidak kira kajian yang bertumpu kepada bahasa Melayu baku ataupun dialek Melayu. Namun begitu, masih terdapat kekurangan dalam kajian yang dilakukan yang meliputi bahagian-bahagian kajian yang tercakup di bawah bidang sintaksis yang belum dikaji, misalnya kajian berkaitan kasus bahasa Melayu. Seperti yang dinyatakan bukan tidak ada ahli linguistik yang melakukan kajian yang berkaitan kasus bahasa Melayu ini, tetapi jumlahnya tidak ramai dan agak terhad dalam penelitian yang dibuat. Teori kasus ini telah dikaji oleh para pengkaji bahasa tempatan mahupun luar negara. Antara pengkaji lepas tempatan yang telah membicarakan tentang kasus bahasa Melayu ini secara mendalam ialah Lutfi (1988), manakala Ramli (1995) dan Mashudi (1988) turut

menyentuh berkaitan teori kasus ini, tetapi secara sepintas lalu sahaja. Satu kajian yang baru mengenai kasus ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Fazal (2006) dan Radiah (2014). Seterusnya, Chomsky (1982), Radford (1981), Lee (1999) dan Haegemen (1991) sebagai pengkaji luar yang membincangkan teori kasus. Selain masih tidak ramai lagi yang membuat kajian berkaitan kasus bahasa Melayu ini, kajian yang dibuat itu juga tidak disentuh secara mendalam dan menyeluruh untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu juga mempunyai bentuk-bentuk kasus bahasa Melayu yang tersendiri seperti bahasa Inggeris dan bahasa Latin. Berdasarkan penelitian kosa ilmu lepas, dapatan kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas agak terhad.

Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan pengkaji bahasa Melayu menolak dakwaan yang dibuat oleh Lutfi (1988) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu turut mempunyai bentuk kasus, seperti bahasa Inggeris dan bahasa Latin. Antara pengkaji yang menolak bahawa bahasa Melayu mempunyai bentuk kasus tersebut, iaitu Nik Safiah Karim et al. (2011), Asmah (2015) dan pengkaji bahasa lain lagi yang sependapat dengan mereka. Hal ini demikian kerana, bukti mereka menyatakan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai bentuk kasus dapat dilihat dengan jelas apabila penahu-penahu tersebut tidak pernah membincangkan mahupun membuat penelitian yang mendalam mengenai kasus bahasa Melayu dalam buku yang dihasilkan mereka tersebut. Tambahan lagi, kenyataan ini dapat dibuktikan lagi apabila tidak ada dalam mana-mana buku tata bahasa bahasa Melayu pun yang mengkaji ataupun menulis berkaitan kasus bahasa Melayu selain kajian yang dilakukan oleh Lutfi (1988). Boleh dikatakan Lutfi merupakan penahu tunggal bahasa Melayu yang menyatakan bahawa bahasa Melayu turut mempunyai bentuk kasus.

Lutfi (1988) menyatakan bahawa kasus dapat dilihat dari segi perbuatan kerana kata kerja yang menentukan kata nama disebabkan oleh sifat kata kerja yang sentiasa berubah. Dengan kata lain, perbuatan dianggap sebagai unsur utama dalam setiap ayat dan bukannya frasa nama. Hal ini demikian kerana, menurut Fillmore (1968) dalam makalahnya yang terkenal *The Case For Case* ada menyatakan bahawa ayat dalam struktur dasarnya terdiri daripada satu perbuatan dan satu frasa nama atau lebih, masing-masing dikaitkan dengan perbuatan itu dalam suatu hubungan kasus yang tertentu. Tetapi, kenyataan ini mungkin satu kemungkinan sahaja kerana imbuhan boleh menandakan kata nama. Contohnya, perkataan *tidur*. Kata dasar *tidur* ini boleh berubah menjadi pelbagai bentuk dan memberi banyak maksud kerana disebabkan oleh penandaan satu-satu imbuhan pada kata dasar tersebut. Kata dasar *tidur* itu boleh berubah menjadi *menidurkan*, *meniduri*, *ketiduran* (keadaan yang berlaku sendiri atau tidak sengaja), dan *tertidur*. Dalam sesuatu ayat itu, posisi subjek dan objek boleh berubah kedudukan. Perubahan kata nama tidak pernah dikaitkan dengan apa-apa unsur, tetapi Chomsky (1982) menyatakan bahawa ada unsur yang tertentu yang menguasai kata nama, iaitu kepala. Kepala hanya boleh menanda satu unsur pada frasa nama.

Di samping itu, ditambah dengan kajian sepintas lalu yang dibuat oleh Ramli (1995), Mashudi (1988) dan Fazal (2010) secara tidak langsung menyokong kenyataan yang dibuat oleh Lutfi yang menyatakan bahasa Melayu turut mempunyai kasus tersebut. Sebagai contoh, dalam kajian Ramli (1995), ada menyentuh berkaitan syarat tapisan kasus yang merujuk kepada kegramatisan sesuatu ayat di samping menyatakan bahawa setiap frasa nama leksikal memerlukan kasus di peringkat struktur luaran. Dalam kajian Mashudi (1988) pula melihat teori kasus dalam struktur ayat pasif dengan menyatakan bahawa ayat pasif bukannya terbitan daripada ayat aktif. Ini kerana beliau yakin bahawa ayat pasif tersebut adalah terhasil daripada ayat pasif supaya tidak

melanggar peraturan teori kasus. Pengkaji telah menyelesaikan isu berkaitan FN yang tidak dapat diberikan kasus oleh kata kerjanya kerana kelemahan imbuan pasif iaitu *di-* itu sendiri.

Walau bagaimanapun, sehingga kini tidak ada lagi kajian kasus yang dibuat secara mendalam khususnya oleh pengkaji tempatan walaupun kasus merupakan satu komponen kajian sintaksis yang penting untuk dikaji. Oleh hal yang demikian, disebabkan belum ada penelitian yang mendalam mengenai kasus ini sebelum ini, maka kajian ini dilakukan adalah untuk membuktikan kasus wujud dalam bahasa Melayu dan secara tidak langsung dapat menyangkal dakwaan pengkaji bahasa yang menolak kewujudan kasus dalam bahasa Melayu yang menyatakan kasus merupakan gejala asing dalam bahasa Melayu tersebut. Fokus utama kajian ini ialah membincangkan mengenai ciri dan bentuk penandaan kasus serta bagaimana proses penandaan kasus akusatif dan kausatif dibuat dengan terperinci menggunakan teori Kuasaan dan Tambatan (1982).

SKOP KAJIAN

Menurut Asmah (2008: 9), setiap kajian yang dilakukan haruslah diletakkan matlamat, yakni membuat keputusan isu yang hendak dikaji dalam sesebuah kajian. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pola dan menganalisis proses penandaan kasus berlaku bagi dua bentuk kasus bahasa Melayu iaitu, kasus akusatif dan kasus kausatif. Kajian yang akan dilakukan ini hanya terbatas kepada aspek sintaksis bahasa Melayu sahaja. Pengkajian aspek sintaksis dalam kajian ini tidak melibatkan keseluruhan aspek sintaksis, tetapi hanya melibatkan perbincangan tentang kasus bahasa Melayu. Tumpuan kajian ini adalah berkaitan kasus bahasa Melayu untuk membuktikan kewujudannya dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga akan menghuraikan dengan mendalam mengenai proses penandaan kasus berlaku dan bentuk-bentuk kasus yang wujud dengan melihat jenis-jenis argumen yang ditentukan oleh kata kerja. Hal ini demikian kerana, posisi argumen ataupun kata nama dalam ayat yang berbeza yang ditandakan oleh kata kerja akan membentuk jenis kasus yang terlibat.

Selain itu, tujuan kajian ini dijalankan kerana hasil kajian berkaitan kasus bahasa Melayu sebelum ini masih belum mendalam dari segi penelitian yang dibuat dan belum dapat disahkan kewujudannya dalam bahasa Melayu, seperti bahasa Inggeris dan bahasa Latin. Tambahan lagi, kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji lepas mengenai kasus bahasa Melayu ini adalah terhad dari segi perbincangannya dan tidak ada penyelesaian yang jelas di samping jumlah pengkaji yang membuat kajian tentang kasus bahasa Melayu juga masih sedikit. Keadaan ini terjadi kerana ada segelintir pengkaji bahasa Melayu menolak dakwaan bahawa kasus wujud dalam bahasa Melayu seperti bahasa lain.

Dalam kajian ini tidak akan digunakan data korpus walaupun hari ini telah berkembangnya teknologi komputer, maka kerja penyelidikan yang berasaskan korpus menjadi lebih mudah berbanding dengan penyelidikan maklumat yang dilakukan di lapangan. Sebaliknya data kajian yang digunapakai dalam kajian ini adalah berfokus kepada data bahasa Melayu baku yang diperolehi melalui intuisi pengkaji sendiri yang merupakan penutur natif bahasa Melayu baku. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data ialah teori Kuasaan dan Tambatan (KT). Hal ini demikian kerana, teori KT ini dilihat masih lagi relevan dan memadai untuk menghuraikan aspek kasus tanpa perlu melibatkan kerangka yang baru seperti pendekatan Program Minimalis (PM). Program minimalis (1995), ini muncul daripada pembaharuan dan penambahbaikan teori KT seiring dengan perkembangan versi teori bahasa yang terkini. Oleh itu,

kasus masih lagi boleh dibincangkan berdasarkan kedua-dua teori ini mengikut kepadaan hasil kajian yang ingin dicapai. Jelasnya, kajian ini hanya menggunakan teori KT untuk menganalisis data kajian dan bukannya sebuah kajian yang menguji teori tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan suatu sistem yang berkaitan dengan kaedah atau pendekatan yang digunakan dalam sesuatu kajian. Metodologi kajian juga merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian yang telah diutarakan. Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya.

Kaedah pengumpulan data yang sesuai sangat perlu bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian. Bagi kaedah pengumpulan data, kajian ini telah memilih kaedah pengumpulan data ayat (data sendiri) dan kepustakaan. Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, maka kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif biasanya digunakan dalam menganalisis data dan harus memiliki kualiti atau mutu (Asmah, 2008:34). Memandangkan kajian ini menggunakan metod kualitatif, maka kajian kepustakaan sangat diperlukan.

Kajian kepustakaan ini bertujuan untuk mendapat gambaran awal tentang kajian yang ingin dijalankan dengan meneliti kosa ilmu yang berkaitan. Selain itu, kajian kepustakaan ini juga merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji dari sumber tertentu. Kajian kepustakaan ini turut memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Bagi kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam mendapatkan maklumat awal berhubung kajian-kajian lepas, teori dan metodologi kajian. Rujukan yang diperolehi daripada kajian kepustakaan ini dijadikan rujukan dalam pengertian, fakta dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Rujukan kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan kata kerja juga dibuat sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan kasus bahasa Melayu.

Di samping itu, dalam kajian ini juga membataskan dengan menggunakan data intuiti sebagai data kajian tanpa kajian lapangan dilaksanakan. Data korpus UKM-DBP juga tidak digunapakai dalam kajian ini. Sebaliknya, data kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berfokus kepada data bahasa Melayu baku yang diperoleh melalui intuiti pengkaji yang merupakan penutur natif bahasa Melayu baku. Pemilihan data secara intuiti sebagai data kajian dianggap sangat bertepatan dengan kehendak dan keperluan kajian oleh pengkaji. Kaedah ini dibuat berdasarkan pengetahuan pengkaji sendiri yang menuturkan bentuk-bentuk ayat sedemikian yang mempunyai ciri-ciri jenis kasus yang terlibat. Bentuk-bentuk ayat tersebut yang diyakini terletak di bawah jenis kasus yang tertentu akan dimasukkan ke dalam kajian sebagai data ayat untuk dianalisis. Hal ini demikian kerana, kajian ini merupakan sebuah kajian yang menguji teori dan tidak menganalisis bahasa terutamanya tentang penggunaan bahasa.

Seterusnya, setelah proses pengumpulan dan penganalisan data dilakukan, data-data ayat ini dipaparkan dalam bentuk jadual dan rajah. Data-data ayat ini akan disusun dalam jadual mengikut jenis kasus bahasa Melayu tersebut. Manakala, pemaparan dalam bentuk rajah pula adalah untuk menghuraikan penandaan kasus dibuat. Pemaparan data yang sistematik dapat menggambarkan kesimpulan dan penyelesaian masalah terhadap kajian yang dijalankan.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengulas dan membandingkan kesemua kosa ilmu yang diperoleh bagi memastikan kosa ilmu tersebut dapat membantu pengkaji untuk mencapai matlamat dan objektif kajian ini. Dengan adanya bahagian ini, pengkaji dapat melihat atau mengesan kelompangan daripada kajian lepas untuk diperbaiki dan dibuat penambahbaikan dalam kajian yang seterusnya. Berdasarkan kesemua kosa ilmu yang diperoleh ianya dapat dipecahkan kepada dua kategori kajian lepas, iaitu kajian dalam negara dan kajian luar negara. Bagi kajian dalam negara dan luar negara ini terdapat tiga aspek kajian yang diteliti, iaitu kasus, argumen, dan kata kerja.

Kajian Mengenai Aspek Kasus

Bagi kajian dalam negara mengenai kajian kasus, Lutfi Abas (1988), Mashudi Kader (1988) dan Ramli Salleh (1995) boleh dikatakan antara pengkaji terawal yang meneliti aspek kasus secara umum. Hal ini demikian kerana, analisis yang dilakukan oleh kesemua pengkaji ini dilakukan secara sepintas lalu tanpa melibatkan penelitian secara khusus terhadap bentuk dan proses kasus yang terdapat dalam bahasa Melayu seperti yang diutarakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Misalnya, dalam kajian Lutfi Abas telah menyatakan jenis-jenis kasus yang terdapat dalam bahasa Melayu secara umum tanpa ada pembuktian ataupun kajian yang lengkap dilakukan bagi membuktikan jenis-jenis kasus tersebut itu benar wujud. Sebaliknya, ianya lebih kepada cetusan pandangan peribadi beliau dengan menyatakan bahawa bahasa Melayu turut mempunyai kasus, seperti bahasa yang bersifat infleksi, iaitu bahasa Latin dan bahasa Inggeris. Seperti yang diketahui, bahasa Melayu bukanlah suatu bahasa yang berinfleksi tetapi bersifat derivatif. Hal ini demikian kerana, dalam bahasa Melayu unsur pengimbuhan turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk kasus selain yang diberikan oleh kata kerja sahaja. Analisis yang dikemukakan oleh Ramli Salleh pula lebih kepada pembentukan struktur ayat yang gramatis. Beliau telah mengaitkan kepentingan penandaan kasus ini dengan ayat yang dibina gramatis bentuknya. Dengan kata lain, dalam binaan ayat tersebut perlu ada yang menjadi penanda dan ditanda kasus pada struktur luaran bagi membentuk struktur ayat yang gramatis.

Mashudi Kader pula, dalam kajiannya menerapkan teori kasus dalam permasalahan struktur pasif *di-*. Hasil kajian beliau dapat menjelaskan bahawa ayat pasif bukan terhasil daripada ayat aktif, tetapi terbina sememangnya daripada ayat pasif. Di samping itu, pengkaji telah menunjukkan bahawa kelemahan imbuhan pasif *di-* dalam menanda kasus bagi frasa nama dalam ayat telah menyebabkan frasa nama tersebut perlu berubah posisi ke posisi kiri (subjek) bagi mendapatkan penandaan kasus pada struktur luaran. Hal ini kemudiannya membolehkan frasa nama tersebut ditandakan sebagai kasus subjektif. Radiah Yusof boleh dianggap sebagai pengkaji yang paling terkini dalam meneliti aspek kasus setelah agak lama aspek kasus ini tidak menjadi pilihan oleh pengkaji bahasa sebagai salah satu tajuk kajian. Dalam kajiannya, pengkaji ada menyentuh mengenai kasus, iaitu berkaitan penanda kasus dengan mengaitkan kajian berkaitan

partikel kasus dalam bahasa Jepun yang juga salah satu bahasa yang bersifat derivatif sebagaimana bahasa Melayu. Keseluruhan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini dilihat tidak menyeluruh dan masih lagi perlu dikaji semula. Penjelasan yang diberikan dalam kajian ini masih kabur dan terhad. Oleh itu, penjelasan yang lebih mendalam sangat diperlukan bagi penghuraian ruang lingkup penelitiannya.

Bagi kajian lepas luar negara yang meneliti kasus juga dilihat hampir sama antara kesemua kajian yang dilakukan. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Radford (1981) dan Haegeman (1991) yang masing-masing menekankan kepada penandaan jenis kasus berdasarkan kata ganti nama diri ketiga. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa perbezaan posisi kata ganti nama diri ketiga itu hadir dalam ayat akan mengambil jenis kasus yang berbeza. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji. Kajian Radford dan Haegeman boleh dikatakan sebagai rentetan ataupun ringkasan daripada kajian yang dijalankan oleh Chomsky (1981) berkaitan kasus. Hal ini demikian kerana, Chomsky telah melakukan penambahbaikan dalam teori kasus dengan memperkenalkan syarat yang nyata dalam teori kasus, iaitu tapisan kasus. Namun begitu, terdapat seorang lagi pengkaji luar yang meneliti aspek kasus ini, iaitu Lee (1999) yang telah membincangkan penandaan kasus sedikit berbeza berbanding pengkaji di atas kerana kajian beliau memfokuskan pada bahasa Melayu bukannya bahasa Inggeris walaupun beliau merupakan pengkaji luar. Walaupun kajian beliau berfokus kepada kasus bahasa Melayu, tetapi kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini dengan kajian beliau ada perbezaan matlamat yang ingin dicapai. Misalnya, penelitian berkaitan penandaan kasus yang mempunyai dua argument ada perbezaan dalam proses penandaan dilakukan. Hal ini demikian kerana, proses penandaan yang dilakukan oleh pengkaji dilihat kurang wajar dan terlalu kompleks.

Kajian Mengenai Argumen

Selain dari aspek kasus, terdapat juga kajian lepas dalam negara yang meneliti argumen. Misalnya, kajian oleh Arbak dan Nor Azuwan (2006) yang menganalisis berkaitan struktur argumen bahasa Melayu berdasarkan penulisan berita dalam akhbar. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori nahan leksikal untuk menilai ayat-ayat yang digunakan dalam penulisan berita. Bagi kajian yang dijalankan oleh Fazal Mohamed et al. (2010) pula hanya memfokuskan kepada kata soal argumen. Walau bagaimanapun, kajiannya dilihat lebih berpada dan teknikal kerana memasukkan contoh ayat berbanding kajian yang dilakukan oleh Arbak & Nor Azuwan yang hanya menerangkan secara terus contoh kata kerja bersama bilangan argumen tanpa menunjukkan contoh ayat.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Ong (2017), merupakan kajian terkini yang membuat penelitian berkaitan struktur dan peranan argumen bahasa Melayu. Selain menekankan berkaitan pengenalpastian jenis-jenis argumen yang ditentukan oleh kata kerja, pengkaji turut meneliti peranan setiap argumen tersebut yang mungkin berbeza dalam suatu ayat. Perbezaan yang jelas dalam kajian pengkaji adalah berkenaan penggunaan teori berbanding kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian pengkaji juga dilihat berpada dan jelas penghuraian berserta contoh yang diberikan. Di samping itu, terdapat juga kajian lepas luar negara yang mengkaji argumen seperti pengkaji dalam negara. Misalnya, kajian oleh Grimshaw (1990) dan Nomoto (2018). Bagi kajian Grimshaw (1990), menyatakan bahawa struktur argumen mempunyai organisasi dalaman dan ianya tidak ditentukan bagi setiap predikat. Sebaliknya ia diunjurkan daripada perwakilan semantik leksikal. Pengkaji turut mencadangkan teori bagi argumen luar

dalam kajiannya. Bagi kajian Nomoto (2018) juga melihat pada argumen. Tetapi, berbeza dengan kajian Grimshaw adalah berkaitan data yang digunakan. Dalam kajian nomoto memfokuskan pada bahasa Melayu dengan melihat proses nominalisasi kata kerja dan pengaruhnya terhadap argumen.

Kajian Mengenai Kata Kerja

Selain itu, bagi kajian dalam negara yang membincangkan mengenai kata kerja dapat ditelusuri misalnya, kajian oleh Fazal Mohamed Mohamed sultan et al. (2010), Mohd Ra'in (2004) dan Maslida Yusof et al. (2008, 2010). Kajian oleh Fazal Mohamed et al (2010) ini telah menjadikan kata kerja transitif sebagai data kajian. Para pengkaji memfokuskan pada kemunculan kata lagi di antara kata kerja transitif dan objek. Hasil kajian pengkaji dilihat berbeza dengan kajian pengkaji lain mengenai objek dan kata lagi selepas kata kerja transitif. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mohd Ra'in (2004) pula melakukan tinjauan data korpus dan mendapati bahawa wujudnya fenomena objek sifar dengan frasa kerja transitif *meN-...kan* dalam bahasa Melayu. Selain itu, kerangka teori kognitif dan teori relevans telah digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Maslida Yusof et al. dilihat berbeza dengan kajian mengenai kata kerja sebelum ini. Hal ini demikian kerana, pengkaji telah memperkenalkan pendekatan baru dalam mengelompokkan kata kerja. Pengelompokkan kata kerja tersebut dibuat berdasarkan makna leksikal kata kerja. Selain itu, pengkaji turut membincangkan sifat dan lakuan kata kerja mengikut ciri situasi dengan memberi fokus kepada kata kerja gerak. Pendekatan teori Peranan dan Rujukan telah diaplikasikan oleh pengkaji dalam kedua-dua kajian tersebut.

Pengkaji luar negara yang meneliti aspek kata kerja dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Jackendoff (2002), Morenberg (1997) dan Vendler (1967). Ketiga-tiga pengkaji membincangkan aspek kata kerja dengan sudut pandangan yang berbeza. Misalnya, kajian Jackendoff (2002) menyentuh berkaitan bilangan argument yang diambil oleh kata kerja. Hasil kajian menunjukkan sebilangan kata kerja bahasa Inggeris yang melibatkan transaksi kewangan akan mengambil empat argumen bersama kata kerja dalam suatu binaan ayat. Kajian yang seterusnya pula dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Morenberg (1997) berkaitan jenis kata kerja yang hadir bersama perkataan yang berhubungan dengan kata kerja tersebut. Pengkaji turut menyatakan kata kerja dapat dipecahkan kepada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata kerja ditransitif dan kata kerja transitif berganda. Pengkaji turut menambah bahawa sesetengah kata kerja mempunyai penggunaan gramatikal khusus. Manakala, tidak seperti kajian Jackendoff dan Morenberg, kajian Vendler (1967) agak berlainan kajiannya dalam mengelaskan kata kerja ini. Pengkaji telah mengelaskan kata kerja kepada empat kelas, iaitu kelas kata kerja keadaan (state), kata kerja aktiviti (activity), kata kerja pencapaian (achievement) dan kata kerja penyempurnaan (accomplishment). Pengkategorian empat kelas kata kerja oleh Vendler ini adalah dibezakan berdasarkan titik penamat.


KERANGKA TEORI

Istilah teori telah digunakan dalam pelbagai cara bergantung kepada sama ada teori digunakan untuk menjelaskan fenomena yang dikaji atau teori adalah sesuatu yang muncul daripada penyelidikan (Othman Lebar, 2021) Teori yang digunakan secara khusus dalam kajian ini ialah teori Kuasaan dan Tambatan (KT) yang memfokuskan pada salah satu subteori KT iaitu, teori kasus. Pendekatan ataupun kerangka teori yang digunakan ini adalah wajar kerana bertepatan

dengan tujuan kajian pengkaji iaitu meneliti aspek kasus dalam bahasa Melayu. Teori kasus ini mula diperkenalkan oleh Fillmore (1968). Walau bagaimanapun, teori ini telah dibahaskan dan dibincangkan semula dengan lebih mendalam oleh Chomsky (1982) yang kemudiannya telah memperkenalkan prinsip tapisan kasus dalam teori kasus tersebut. Menurut Chomsky (1982) teori kasus adalah untuk menentukan sama ada suatu ayat itu gramatis atau tidak. Hal ini demikian kerana, menurut syarat tapisan kasus yang dikemukakan oleh Chomsky, **FN, jika FN itu mempunyai realisasi fonetik dan tidak mempunyai kasus pada struktur-L*. Prinsip ini telah menyatakan dengan jelas bahawa setiap FN yang mempunyai realisasi fonetik dalam semua bahasa mesti ditandakan dengan kasus. Prinsip ini merupakan prinsip yang bersifat sejagat. Hal ini bermaksud bahawa prinsip ini beroperasi ke atas semua bentuk FN dalam semua bahasa. Maka, semua FN yang nyata (overt), iaitu yang mempunyai pewujudan fonetik mesti mempunyai kasus. Secara mudahnya, yang dapat disimpulkan mengenai teori kasus ini adalah merupakan bentuk namaan pada suatu FN untuk menyatakan hubungan FN itu dengan kata kerja dalam sebuah ayat.


Dalam hal ini, teori kasus merupakan subteori dalam teori Kuasaan dan Tambatan yang mengandungi beberapa tahap representasi, iaitu representasi fonetik dan representasi semantik. Sifat dan hubungan antara tahap-tahap ini berikutan daripada interaksi beberapa subkomponen yang mudah dengan prinsip yang tersendiri. Salah satu ciri penting teori Kuasaan dan Tambatan ini ialah sifat modularnya (Chomsky, 1986a) (dalam Fazal, 2013). Hal ini bermaksud bahawa komponen-komponen teori ini berinteraksi antara satu sama lain. Output satu-satu komponen itu menjadi input kepada komponen-komponen yang lain. Keadaan ini dilihat bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin dicapai khususnya untuk menghuraikan proses penandaan kasus dilakukan. Ini bermakna proses penandaan kasus itu berlaku mengikut tahap-tahap ataupun komponen yang terdapat dalam teori Kuasaan dan Tambatan (KT) tersebut.

Teori KT ini mengandaikan bahawa sebahagian besar daripada nahu setiap bahasa merupakan sebahagian daripada nahu sejagat dan mengandaikan bahawa nahu sejagat ini boleh dibahagikan kepada dua komponen yang utama, iaitu sistem kekangan dan tahap sintaksis (Chomsky, 1986b) (dalam Fazal, 2013). Sistem kekangan adalah sistem yang terdiri daripada rumus-rumus seperti rumus struktur frasa, rumus ubah alfa, rumus stilistik, dan rumus interpretif. Tahap sintaksis pula dapat dibahagikan kepada representasi bentuk (*representation of form*) dan representasi makna (*representation of meaning*). Pemetaan di antara representasi bentuk dengan representasi makna melibatkan empat aras iaitu struktur dasar (Struktur-D), aras penengah iaitu Struktur Lahir (Struktur-L), Bentuk Logik (Bentuk-L) dan Bentuk Fonologi (Bentuk-F). Walaupun begitu, struktur-D hingga struktur -L sahaja membentuk komponen sintaksis yang dalamnya terdiri daripada rumus yang berbeza-beza. Rajah 1 di bawah menunjukkan komponen struktur bagi teori Kuasaan dan Tambatan (Chomsky 1986b: 68) seperti di bawah:



RAJAH 1. Komponen Struktur bagi Teori Kuasaan dan Tambatan

Rumus Struktur Frasa (RSF) adalah rumus pertama dalam komponen sintaksis. Rumus ini berfungsi menjana Struktur-D suatu ayat. Struktur-D dalam rajah di atas dihubungkan dengan Struktur-L oleh rumus transformasi yang dikenali sebagai rumus Ubah Alfa. Bentuk logik (Bentuk-L) sesuatu ayat pula dijana oleh rumus interpretif. Akhir sekali, bentuk fonologi (Bentuk-F) dijana oleh rumus stilistik. Dalam rajah di atas, terdapat satu lagi komponen yang dipisahkan daripada komponen sintaksis, iaitu komponen leksikon. Komponen ini dipisahkan daripada komponen sintaksis oleh Chomsky (1986b) kerana sifatnya yang berbeza iaitu komponen leksikon bersifat sensitif pada konteks ayat. Oleh yang demikian, rajah di atas diubah seperti rajah 2 di bawah:



RAJAH 2. Pengubahsuaian Komponen Sintaksis

Setiap subteori yang disenaraikan dalam rajah di atas mempunyai beberapa prinsip bagi menghasilkan ayat yang gramatis. Walau bagaimanapun, dalam kajian kasus ini hanya melibatkan Struktur-D dan struktur-L sahaja. Penggunaan teori generatif ini memberi kesan yang besar terhadap dunia penyelidikan bahasa di Malaysia khususnya dalam pengkajian bahasa Melayu contohnya aspek kasus. Buktinya, semakin ramai pengkaji baharu yang menggunakan teori aliran generatif ini dalam kajian mereka, misalnya Lian Ching Wei & Nasrun Alias (2023), Nasrun Alias & Nurul Syuhada Mohd Noh (2021), Amir Hatin Asmali Jauhari & Nasrun Alias (2018), Fazal Mohamed & Nurul Aini Abd Rahman (2018), Kartini Abd Wahab (2015) dan lain-lain lagi. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa setiap pendekatan yang bernaung di bawah kerangka generatif ini mempunyai deskripsi dan analisis yang berbeza bagi mencapai analisis terbaik dalam menghuraikan kepelbagaian fenomena bahasa (Kartini, 2013).

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan memaparkan hasil analisis kajian. Bahagian ini dibahagikan kepada dua penelitian, iaitu bermula dengan menghuraikan definisi dan ciri bagi kasus akusatif dan kasus kausatif bahasa Melayu. Kemudian, diikuti oleh proses penandaan bagaimana kedua-dua kasus itu dilakukan. Proses bagaimana penandaan dua kasus itu dilakukan yang setiap satunya akan dipaparkan bersama rajah bagi memudahkan pemahaman pembaca dan sebagai bentuk pemaparan dapatan analisis kajian yang lebih sistematik.

Definisi dan Ciri Kasus Akusatif

Kasus akusatif bermaksud bentuk kasus yang menunjukkan sama ada kata nama atau kata ganti nama ialah objek kepada kata kerja transitif atau kata peposisi. Kasus akusatif ini merupakan kasus tidak nyata (*non-overt*) dalam bahasa Melayu. Ciri-ciri kasus akusatif ini dapat dinyatakan seperti dalam jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Kasus Akusatif

	Ciri-Ciri Kasus	Contoh Ayat
i.	Mengambil dua argumen dalam ayat.	a. Dia menahan sakit.
ii.	Mengambil satu argumen yang berstatus pelengkap selepas kata kerja transitif dan pasif, misalnya KA dan KN.	b. Dia melawan arus. c. Dia merasa letih.
iii.	Menunjukkan berlaku sesuatu kepada pelaku akibat daripada perbuatannya.	

Sumber: Data Kajian 2019

Berdasarkan jadual 1 di atas, dipaparkan ciri-ciri bagi kasus akusatif beserta 3 contoh data ayat.

Definisi dan Ciri Kasus Kausatif

Kasus kausatif bermaksud bentuk kasus yang merujuk kepada bentuk kasus yang menunjukkan sebab berlakunya sesuatu kejadian. Dalam bahasa Melayu, kasus kausatif ini mengambil FN bersifat alatan selain hadir bersama imbuhan akhiran *-kan* dan kata preposisi *dengan* bersama kata kerja transitif. Kasus kausatif ini juga merupakan kasus tidak nyata (*non-overt*) dalam bahasa Melayu. Ciri-ciri kasus kausatif ini dapat dinyatakan seperti dalam jadual 2 di bawah:

	Ciri-Ciri Kasus	Contoh Ayat
i.	Mengambil tiga argumen dalam ayat.	a. Ibu menghancurkan gula melaka dengan sudu.
ii.	Kata kerja transitif hadir bersama dengan kata nama objek yang tidak bernyawa.	b. Kakak mengeringkan baju dengan kipas.
iii.	Menggunakan KP <i>dengan</i> bagi menunjukkan penggunaan suatu alat.	c. Abang memecahkan tingkap dengan batu.
iv.	Merujuk berlaku sesuatu pada FN.	

Sumber: Data Kajian 2019

Berdasarkan jadual 2 di atas dipaparkan ciri-ciri bagi kasus kausatif beserta 3 contoh data ayat

Proses Penandaan Kasus Bahasa Melayu

Untuk menerangkan proses penandaan kasus, kajian ini akan menyentuh tapisan kasus terlebih dahulu, iaitu kekangan yang terdapat dalam teori kasus bagi penghasilan ayat yang gramatis. Seterusnya, akan diperincikan dua bentuk penandaan kasus, iaitu penandaan secara struktur dan penandaan secara inheren bagi dua jenis kasus bahasa Melayu tersebut. Akhir sekali, akan diuraikan dengan lebih lanjut bagaimana proses penandaan kasus berlaku bagi dua kasus tersebut.

Tapisan Kasus

Konsep yang paling penting dalam teori kasus adalah tapisan kasus (case filter) yang menentukan bahawa semua frasa nama (FN) yang nyata dalam suatu ayat tersebut perlu mempunyai kasusnya tersendiri bagi membentuk ayat yang gramatis. Satu kekangan mengenai syarat tapisan kasus ini ialah untuk mengekang distribusi FN tersebut. Hal ini demikian kerana, kata kerja hanya akan menanda argumen yang wajib sahaja dalam suatu ayat bagi mewakili satu jenis kasus tersebut. Dengan kata lain, argumen ataupun FN yang boleh digugurkan dalam ayat tidak akan ditanda atau diberi kasus oleh kata kerja pada FN berikut. Oleh hal yang demikian, syarat tapisan kasus ini penting dan perlu dalam teori kasus seperti yang dinyatakan berdasarkan teori Kuasaan dan Tambatan (1982) yang dipelopori oleh Chomsky.

Dalam syarat tapisan kasus yang dikemukakan oleh Chomsky (1982) pula, **FN, jika satu-satu FN itu mempunyai realisasi fonetik dan tidak mempunyai kasus pada struktur-L*. Syarat ini nyata dalam tapisan kasus tersebut. Dengan kata lain, prinsip yang dikemukakan oleh Chomsky (1982) ini telah menyatakan dengan jelas bahawa setiap FN yang mempunyai realisasi fonetik dalam semua bahasa mesti ditandakan dengan kasus. Memandangkan teori kasus ini merupakan teori yang bersifat sejagat, maka prinsip ini beroperasi ke atas semua bentuk FN dalam semua bahasa di dunia. Oleh itu, semua FN yang nyata (overt), iaitu yang mempunyai pewujudan fonetik mesti mempunyai kasus. Di bawah ini ditunjukkan beberapa contoh ayat yang tidak gramatis bagi menunjukkan kepentingan tapisan kasus dalam teori kasus ini bagi melahirkan ayat yang gramatis.

- a. *Ali memberikan kepada Ahmad [FN sebuah buku].
- b. *[k] diberi [FN sebuah buku] kepada Ahmad.
- c. *[FTanya siapakah] Ali nampak dia?

Berdasarkan ayat-ayat di atas tersebut, elemen-elemen dalam kurungan itu merupakan jenis FN yang memerlukan kasus, tetapi tiga buah contoh ayat di atas tidak menepati tapisan kasus kerana kasus tidak dapat diberikan kepada elemen-elemen tersebut. Bagi memuaskan tapisan kasus dalam penandaan kasus, Chomsky (1982:170) telah mengemukakan syarat penandaan kasus (case-assignment) dengan mengambil konsep kuasa sebagai prinsip utama dan syarat sebelahan (adjacency). Hal ini dapat diperjelaskan mana-mana FN bagi menerima ataupun ditanda kasus, maka tiap-tiap FN tersebut harus dikuasai oleh elemen yang memberikan kasus dan kedua-dua elemen tersebut harus bersebelahan antara satu sama lain. Oleh itu, syarat-syarat untuk penandaan kasus turut akan dibincangkan dalam bahagian ini. Dalam kajian ini, hubungan antara pemberi dan penerima kasus ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu konsep kuasa dan syarat sebelahan.

Bentuk Penandaan Kasus

Terdapat dua bentuk penandaan kasus yang boleh digunapakai dalam menentukan jenis-jenis kasus yang wujud dalam bahasa Melayu. Dua bentuk penandaan kasus tersebut ialah kasus secara inheren dan struktural. Jenis-jenis bentuk kasus bahasa Melayu ini dapat dibezakan melalui dari segi penandaan kasus. Bentuk-bentuk penandaan ini telah diambil daripada perbincangan yang dibuat oleh Andrew Radford (1982) mengenai kasus bahasa Inggeris yang sebagaimana idea awal ini dipelopori oleh Chomsky (1981). Di bawah dibincangkan secara terperinci berkaitan dua bentuk penandaan kasus ini.

Kasus Inheren

Kasus yang tercakup di bawah kasus inheren ialah kasus yang ditandakan pada struktur-D tetapi, direalisasikan pada struktur-L (Chomsky 1986a:193). Kasus inheren berbeza dengan kasus struktural adalah dari segi penandaan. Kasus inheren ini boleh didefinisikan seperti berikut: *“Sekiranya A adalah penanda kasus inheren, maka A menandakan kasus pada FN hanya sekiranya A menanda-teta FN tersebut”*, (Chomsky, 1986a). Berdasarkan definisi ini, dapat dinyatakan bahawa penandaan kasus inheren ini bergantung kepada dua syarat, iaitu penandaan teta dan kuasa ke atas FN. Menurut Chomsky (1986a: 193), hanya terdapat tiga jenis kategori leksikal yang boleh menandakan kasus inheren, iaitu N, A dan P. Biasanya, kasus lokatif dan kasus genitif (tidak akan dibincangkan dengan mendalam dalam kajian ini) yang tercakup di bawah penandaan kasus inheren.

Kasus struktural

Kasus struktural pula berbeza dengan kasus inheren seperti yang dinyatakan di atas tadi. Hal ini demikian kerana, kasus struktural ditandakan pada struktur-L. Penandaan kasus struktural ini dibezakan daripada kasus inheren kerana penandaan ini hanya mementingkan kuasa sahaja tanpa mengambil ataupun bergantung pada penandaan teta sebagaimana kasus inheren. Dalam kajian ini, kasus struktural ini menandakan kasus kasusatif dan kasus akusatif yang ditandakan pada struktur-L. Sebagai contoh kasus akusatif, ia ditandakan oleh kepala K yang menguasai FN tersebut secara langsung. Antara ciri penguasa ataupun penanda kasus bagi sesuatu argumennya ialah K telah memenuhi keempat-empat syarat kuasa seperti dalam (Chomsky, 1986a), iaitu pertama K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang di bawah naungan FK, maka FK telah ditandakan L oleh K. Keempat, K menghormati minimaliti kerana K adalah penguasa yang paling dekat dan bukannya INFL. Oleh itu, secara langsung K boleh menandakan kasus pada FN tersebut.

Proses Penandaan Kasus

Pada bahagian ini akan diuraikan proses penandaan kasus berlaku bagi setiap argumen yang wajib ditanda dalam suatu ayat tersebut. Hal ini demikian kerana, setiap argumen dalam ayat tersebut mewakili jenis kasus yang berbeza mengikut posisi yang diduduki oleh setiap argumen ataupun FN itu. Seperti yang dinyatakan pada bahagian sebelum ini penandaan kasus ini dapat dikemukakan berdasarkan konsep kuasa dan syarat sebalahan. Maka, pengkaji akan

menghuraikan terlebih dahulu apa itu konsep kuasa dan syarat sebelah berikut secara ringkas. Selain itu, dalam bahagian ini juga akan ditunjukkan proses penandaan kasus pada FN tersebut dibuat bagi dua jenis kasus yang wujud dalam bahasa Melayu melalui rajah pohon.

Kuasa

Konsep kuasa memainkan peranan yang sangat penting dalam penandaan sesuatu kasus pada tiap-tiap argumen ataupun FN tersebut di dalam ayat. Kasus dapat diberikan apabila A menguasai B. Penandaan kasus oleh K, P, A, N dan INFL pada argumennya dapat diterangkan melalui konsep kuasa yang berasaskan satu konsep yang selama ini dikenali sebagai Perintah-K (c-command). Konsep Perintah-K, pada umumnya menerangkan hubungan nodus A yang terletak lebih atas dari nodus B dalam rajah pohon ayat.

Syarat sebelah

Salah satu syarat yang membenarkan penandaan kasus ialah syarat sebelah (adjacency), iaitu syarat yang mewajibkan pemberi kasus bersebelahan dengan FN (penerima kasus) (Stowell, 1981). Walaupun terdapat banyak contoh ayat gramatis dalam bahasa Melayu yang tidak menepati syarat sebelah, tetapi dalam kajian ini mengambil syarat sebelah sebagai satu syarat yang mengekang penandaan kasus berlaku. Stowell (1981) telah menganjurkan syarat sebelah ketat (strict adjacency condition) sebagai satu syarat dan parameter untuk teori kasus.

Penguraian Proses Penandaan bagi Kasus Akusatif dan Kausatif Bahasa Melayu

Di bawah ini akan dipaparkan proses penandaan kasus bagi kasus akusatif dan kausatif bahasa Melayu yang berbentuk tidak nyata. Setiap jenis kasus tersebut akan diberikan satu contoh rajah sahaja bagi menunjukkan proses penandaan kasus yang mewakili setiap jenis kasus berikut. Seterusnya, bagi contoh-contoh ayat yang lain yang mewakili jenis kasus tersebut, pengkaji hanya akan menunjukkan dalam bentuk braket berlabel bagaimana penandaan kasus bagi tiap argumen yang hadir dalam suatu ayat itu ditanda. Setiap jenis kasus tersebut akan mengambil sebanyak tiga contoh data ayat.

Penandaan Kasus Akusatif

Contoh ayat 1.1:

[FN Dia] [KKT menahan] [FA sakit].

Bagi penandaan kasus akusatif ia dilihat hampir sama dengan kasus objektif. Walau bagaimanapun terdapat perbezaannya. Perbezaan antara dua jenis kasus ini adalah dari segi kehadiran unsur selepas kata kerja tersebut. Hal ini demikian kerana, dalam kasus objektif ia akan mengambil argumen yang bercirikan FN objek selepas kata kerja transitif, sebaliknya bagi kasus akusatif pula ia mengambil argumen yang berstatus FN pelengkap terdiri daripada KN dan KA dan bukannya FN yang berstatus objek. Hal ini untuk menunjukkan apa-apa yang dirasai sendiri oleh pelaku akibat daripada perbuatannya. Seperti yang kita semua tahu kata kerja ialah perkataan

yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai oleh beberapa unsur lain seperti, kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen dan keterangan (Tatabahasa Dewan, 2011). Hal ini demikian kerana, objek atau penyambut hanya hadir selepas kata kerja transitif dan boleh pula mengalami proses pasif. Bagi pelengkap pula, ialah unsur yang hadir selepas kata kerja tak transitif untuk menyempurnakan maksud ayat. Ayat dengan kata kerja aktif tak transitif yang mengandungi pelengkap tidak boleh dipasifkan dan unsur yang mengikutinya tidak boleh digugurkan kerana ia berstatus pelengkap. Kasus akusatif ini turut ditandakan secara struktural dan merupakan salah satu yang tercakup sebagai bentuk kasus yang tidak nyata bahasa Melayu.

Berdasarkan kepada ayat *dia menahan sakit* ini, kedudukan FN *dia* pada posisi subjek dalam ayat di atas tidak berubah kedudukan posisi frasa namanya. Kedudukan FN *dia* yang tidak perlu berubah membolehkan kata kerja *menahan* itu memberi penandaan kasus akusatif pada frasa nama *dia* tersebut secara langsung bagi menunjukkan apa yang dirasakan oleh pelaku akibat perbuatannya sendiri itu. Tambahan lagi, frasa nama *dia* merupakan argumen langsung bagi ayat tersebut. Selain itu, kasus akusatif ini juga perlu mengambil FN yang berstatus pelengkap selepas kata kerja *menahan*. Keadaan ini berbeza dengan penandaan bagi kasus objektif yang menanda objek langsung selepas kata kerja yang diikuti oleh FN berstatus FN objek. Biasanya, FN pelengkap bagi kasus akusatif ini boleh diwakili oleh frasa nama yang bukan bersifat objek dan frasa adjektif yang mengikuti kata kerja transitif tersebut bagi membentuk ayat yang gramatis. Penandaan kasus akusatif ini juga dilakukan secara penandaan struktural.

Dalam penandaan kasus akusatif ini, kata kerja *menahan* telah mengambil dua argumen sahaja iaitu, FN *dia* sebagai subjek dan FA *sakit* sebagai pelengkap dalam ayat tersebut. Dengan kata lain, berdasarkan ayat di atas menunjukkan bahawa K *menahan* menguasai FN *dia* mengikut definisi Kuasaan (1) Selain itu, K *menahan* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK, maka FK telah ditandakan L oleh K. Keempat, K telah menghormati minimaliti kerana K adalah penguasa yang paling dekat dan secara langsung K menandakan kasus akusatif pada FN *dia*. Oleh itu, benarlah penandaan akusatif ini berlaku akibat dari penandaan langsung oleh kata kerja *menahan* sebagai pemberi kasus pada FN *dia* yang merupakan penerima kasus.

Contoh ayat 1.2:

[FN Dia] [KKT melawan] [FA arus].

Berdasarkan kepada ayat di atas, kedudukan FN *dia* pada posisi subjek dalam ayat di atas tidak berubah kedudukan posisi frasa namanya. Kedudukan FN *dia* yang tidak perlu berubah membolehkan kata kerja *melawan* itu memberikan penandaan kasus akusatif pada frasa nama *dia* tersebut secara langsung bagi menunjukkan apa yang dirasakan oleh pelaku akibat perbuatannya sendiri itu. Tambahan lagi, frasa nama *dia* merupakan argumen langsung bagi ayat tersebut. Selain itu, kasus akusatif ini juga perlu mengambil FN yang berstatus pelengkap selepas kata kerja *melawan*. Keadaan ini berbeza dengan penandaan bagi kasus objektif yang menanda objek langsung selepas kata kerja yang diikuti oleh FN berstatus FN objek. Biasanya, FN pelengkap bagi

kasus akusatif ini boleh diwakili oleh frasa nama yang bukan bersifat objek dan frasa adjektif yang mengikuti kata kerja transitif tersebut bagi membentuk ayat yang gramatis. Penandaan kasus akusatif ini juga dilakukan secara penandaan struktural.


Dalam penandaan kasus akusatif ini, kata kerja *melawan* telah mengambil dua argumen sahaja iaitu, FN *dia* sebagai subjek dan FN *arus* sebagai pelengkap dalam ayat tersebut. Dengan kata lain, berdasarkan ayat di atas menunjukkan bahawa K *melawan* menguasai FN *dia* mengikut definisi Kuasaan (1) Selain itu, K *melawan* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK, maka FK telah ditandakan L oleh K. Keempat, K telah menghormati minimaliti kerana K adalah penguasa yang paling dekat dan secara langsung K menandakan kasus akusatif pada FN *dia*. Oleh itu, benarlah penandaan akusatif ini berlaku akibat dari penandaan langsung oleh kata kerja *melawan* sebagai pemberi kasus pada FN *dia* yang merupakan penerima kasus. Oleh itu, benarlah penandaan akusatif ini berlaku akibat dari penandaan langsung oleh kata kerja *melawan* pada FN *dia* sebagai penerima kasus.

Contoh ayat 1.3:

[FN Dia] [KKT merasa] [FA letih].

Berdasarkan kepada ayat di atas, kedudukan FN *dia* pada posisi subjek dalam ayat di atas tidak berubah kedudukan posisi frasa namanya. Kedudukan FN *dia* yang tidak perlu berubah membolehkan kata kerja *merasa* itu memberikan penandaan kasus akusatif pada frasa nama *dia* tersebut secara langsung bagi menunjukkan apa yang dirasai oleh pelaku akibat perbuatannya sendiri itu. Tambahan lagi, frasa nama *dia* merupakan argumen langsung bagi ayat tersebut dan kasus akusatif ini juga perlu mengambil FN yang berstatus pelengkap selepas kata kerja *merasa*. Keadaan ini berbeza dengan penandaan bagi kasus objektif yang menanda objek langsung selepas kata kerja yang diikuti oleh FN berstatus FN objek. Biasanya, FN pelengkap bagi kasus akusatif ini boleh diwakili oleh frasa nama yang bukan bersifat objek dan frasa adjektif yang mengikuti kata kerja transitif tersebut bagi membentuk ayat yang gramatis. Penandaan kasus akusatif ini juga dilakukan secara penandaan struktural.

Dalam penandaan kasus akusatif ini, kata kerja *merasa* telah mengambil dua argumen sahaja iaitu, FN *dia* sebagai subjek dan FN *letih* sebagai pelengkap dalam ayat tersebut. Dengan kata lain, berdasarkan ayat di atas menunjukkan bahawa K *merasa* menguasai FN *dia* mengikut definisi Kuasaan (1) Selain itu, K *merasa* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK, maka FK telah ditandakan L oleh K. Keempat, K telah menghormati minimaliti kerana K adalah penguasa yang paling dekat dan secara langsung K menandakan kasus akusatif pada FN *dia*. Oleh itu, benarlah penandaan akusatif ini berlaku akibat dari penandaan langsung oleh kata kerja *merasa* sebagai pemberi kasus pada FN *dia* yang merupakan penerima kasus. Rajah 3. di bawah ini ditunjukkan rajah pohon bagi proses penandaan kasus akusatif dilakukan:



RAJAH 3. Penandaan Kasus Akusatif

Penandaan Kasus Kausatif

Seterusnya, kasus kausatif bahasa Melayu termasuk sebagai kasus tidak nyata seperti kasus akusatif. Ia juga terletak di bawah kasus yang terjadi disebabkan penggunaan imbuhan selain penandaan tunggal oleh kata kerja khususnya. Selain itu, kasus kausatif ini juga mengambil FN berstatus alat sebagai penanda kausatif selepas FP dalam ayat. Hal ini demikian kerana, dalam bahasa Melayu imbuhan-imbuhan yang diambil sebagai penanda kasus bukannya dikaitkan pada pelaku, tetapi pada perbuatan. Contohnya, imbuhan *meN-kan* yang hadir dalam ayat bersama kata kerja membentuk kasus kausatif ini dapat menentukan fungsi bagi setiap FN tersebut. Penandaan kasus yang menggunakan imbuhan bersama kata kerja ini juga melibatkan makna ayat.

Contoh ayat 2.1:

[FN Abang] [KKT memecahkan] [FN tingkap] [KP dengan] [FN Objek batu].

Bagi penandaan kasus kausatif pula dapat dijelaskan berdasarkan contoh ayat di atas. Dalam ayat di atas, FN *abang* sebagai pelaku yang melakukan sesuatu perbuatan. Dari segi makna

ayat tersebut, menunjukkan bahawa FN *abang* telah menyebabkan berlaku sesuatu kepada FN *tingkap*. Dengan kata lain, FN *abang* telah melakukan sesuatu pada FN *tingkap* dengan memecahkan tingkap tersebut menggunakan FN alat, iaitu FN *batu*. FN *batu* di sini berperanan sebagai alat yang digunakan oleh FN *abang* supaya FN *tingkap* itu pecah. Dalam ayat di atas juga dilihat telah menggunakan imbuhan *meN-kan* bersama kata kerja yang akan mengambil FN selepas kata kerja yang bersifat benda tidak hidup. Manakala, FN kedua yang hadir selepas FP pula bersifat FN objek yang merujuk kepada alat sebagai penyebab berlaku sesuatu kepada FN *tingkap* tersebut. Dalam ayat ini FN *tingkap* merupakan objek tepat, manakala FN *batu* adalah objek sipi.

Dalam penandaan kasus kausatif ini, kata kerja *memecahkan* telah mengambil tiga argumen iaitu, FN *abang* sebagai subjek, FN *tingkap* sebagai objek tepat dan FN *batu* sebagai objek sipi dalam ayat tersebut. Berdasarkan ayat di atas, dapat ditunjukkan bahawa K *memecahkan* menguasai FN *tingkap* dan FN *batu* mengikut definisi Prinsip Kuasaan (1), iaitu K *memecahkan* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK dan keempat, K telah menghormati minimaliti yang mana penguasa ialah kepala dan FX (frasa X) yang diindekskan bersama.

Walau bagaimanapun, untuk mengelak dari dua kepala menguasai satu FN tersebut, maka syarat minimaliti telah diaplikasikan dalam penandaan kasus kausatif yang menggunakan imbuhan *meN-kan*. Hal ini supaya tidak melanggar syarat tapisan kasus yang memastikan hanya satu FN sahaja yang perlu ditanda dan diberi kasus. Konsep minimaliti ini telah memastikan hanya satu kepala sahaja yang boleh menjadi penguasa dan kepala yang paling hampir sahaja layak menguasai frasa nama tersebut. Oleh itu, FP *dengan* dipilih sebagai penguasa yang terdekat dalam ayat ini dan menandakan kasus kausatif pada FN *batu*.

Contoh ayat 2.2:

[FN kakak] [KKT mengeringkan] [FN baju] [KP dengan] [FN Objek kipas].

Bagi penandaan kasus kausatif pula dapat dijelaskan berdasarkan contoh ayat di atas. Dalam ayat di atas, FN *kakak* sebagai pelaku yang melakukan sesuatu perbuatan. Dari segi makna ayat tersebut, menunjukkan bahawa FN *kakak* telah menyebabkan berlaku sesuatu kepada FN *baju*. Dengan kata lain, FN *kakak* telah melakukan sesuatu pada FN *baju* dengan mengeringkan *baju* tersebut menggunakan FN alat, iaitu FN *kipas*. FN *kipas* di sini berperanan sebagai alat yang digunakan oleh FN *kakak* supaya FN *baju* itu kering. Dalam ayat di atas juga dilihat telah menggunakan imbuhan *meN-kan* bersama kata kerja yang akan mengambil FN selepas kata kerja yang bersifat benda tidak hidup. Manakala, FN kedua yang hadir selepas FP pula bersifat FN objek yang merujuk kepada alat sebagai penyebab berlaku sesuatu kepada FN *baju* tersebut. Dalam ayat ini FN *baju* merupakan objek tepat, manakala FN *kipas* adalah objek sipi.

Dalam penandaan kasus kausatif ini, kata kerja *mengeringkan* telah mengambil tiga argumen iaitu, FN *kakak* sebagai subjek, FN *baju* sebagai objek tepat dan FN *kipas* sebagai objek sipi dalam ayat tersebut. Berdasarkan ayat di atas, dapat ditunjukkan bahawa K *mengeringkan* menguasai FN *baju* dan FN *kipas* mengikut definisi Prinsip Kuasaan (1), iaitu K *mengeringkan* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK dan

keempat, K telah menghormati minimaliti yang mana penguasa ialah kepala dan FX (frasa X) yang diindekskan bersama.

Walau bagaimanapun, untuk mengelak dari dua kepala menguasai satu FN tersebut, maka syarat minimaliti telah diaplikasikan dalam penandaan kasus kausatif yang menggunakan imbuhan *meN-kan*. Hal ini supaya tidak melanggar syarat tapisan kasus yang memastikan hanya satu FN sahaja yang perlu ditanda dan diberi kasus. Konsep minimaliti ini telah memastikan hanya satu kepala sahaja yang boleh menjadi penguasa dan kepala yang paling hampir sahaja layak menguasai frasa nama tersebut. Oleh itu, FP *dengan* dipilih sebagai penguasa yang terdekat dalam ayat ini dan menandakan kasus kausatif pada FN *kipas*.


Contoh ayat 2.3:

[FN Ibu] [KKT menghancurkan] [FN gula Melaka] [KP dengan] [FN Objek sudu].

Bagi penandaan kasus kausatif pula dapat dijelaskan berdasarkan contoh ayat di atas. Dalam ayat di atas, FN *ibu* sebagai pelaku yang melakukan sesuatu perbuatan. Dari segi makna ayat tersebut, menunjukkan bahawa FN *ibu* telah menyebabkan berlaku sesuatu kepada FN *gula Melaka*. Dengan kata lain, FN *ibu* telah melakukan sesuatu pada FN *gula Melaka* dengan memecahkan *gula Melaka* tersebut menggunakan FN alat, iaitu FN *sudu*. FN *sudu* di sini berperanan sebagai alat yang digunakan oleh FN *ibu* supaya FN *gula Melaka* itu pecah. Dalam ayat di atas juga dilihat telah menggunakan imbuhan *meN-kan* bersama kata kerja yang akan mengambil FN selepas kata kerja yang bersifat benda tidak hidup. Manakala, FN kedua yang hadir selepas FP pula bersifat FN objek yang merujuk kepada alat sebagai penyebab berlaku sesuatu kepada FN *gula Melaka* tersebut. Dalam ayat ini FN *gula Melaka* merupakan objek tepat, manakala FN *sudu* adalah objek sipi.

Dalam penandaan kasus kausatif ini, kata kerja *menghancurkan* telah mengambil tiga argumen iaitu, FN *ibu* sebagai subjek, FN *gula Melaka* sebagai objek tepat dan FN *sudu* sebagai objek sipi dalam ayat tersebut. Berdasarkan ayat di atas, dapat ditunjukkan bahawa K *menghancurkan* menguasai FN *gula Melaka* dan FN *sudu* mengikut definisi Prinsip Kuasaan (1), iaitu K *menghancurkan* juga telah memenuhi keempat-empat syarat iaitu pertama, K sebagai kepala telah layak menjadi penguasa. Kedua, K boleh memerintah-m dan menguasai FN. Ketiga, FK tidak menjadi penghalang kepada penguasaan K kerana K menanda teta FN yang dibawah naungan FK dan keempat, K telah menghormati minimaliti yang mana penguasa ialah kepala dan FX (frasa X) yang diindekskan bersama.

Walau bagaimanapun, untuk mengelak dari dua kepala menguasai satu FN tersebut, maka syarat minimaliti telah diaplikasikan dalam penandaan kasus kausatif yang menggunakan imbuhan *meN-kan*. Hal ini supaya tidak melanggar syarat tapisan kasus yang memastikan hanya satu FN sahaja yang perlu ditanda dan diberi kasus. Konsep minimaliti ini telah memastikan hanya satu kepala sahaja yang boleh menjadi penguasa dan kepala yang paling hampir sahaja layak menguasai frasa nama tersebut. Oleh itu, FP *dengan* dipilih sebagai penguasa yang terdekat dalam ayat ini dan menandakan kasus kausatif pada FN *sudu*. Rajah 4 di bawah ini ditunjukkan rajah pohon bagi penandaan kasus kausatif:



RAJAH 4. Penandaan Kasus Kausatif

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian yang dilakukan ini adalah untuk membincangkan ciri dan bentuk penandaan bagi dua jenis kasus tidak nyata yang wujud dalam bahasa Melayu di samping menghuraikan proses penandaan kasus tersebut. Kajian mengenai penandaan kasus dalam bahasa Melayu ini merupakan sebuah kajian sintaksis yang dilakukan dengan menggunakan subteori Kuasaan dan Tambatan, iaitu teori kasus. Pengkaji telah memilih teori Kuasaan dan Tambatan (KT) Chomsky (1982) sebagai kerangka teori untuk menghuraikan dan menjawab objektif kajian bagi mencapai hasil yang bermakna. Hasil dapatan menunjukkan sememangnya bahasa Melayu ini mempunyai kasus. Perbezaan antara kasus bahasa Melayu dengan bahasa lain adalah dari segi bentuk kasus sahaja. Hal ini demikian kerana, kasus bahasa Melayu dapat dipecahkan kepada dua bentuk, iaitu bentuk nyata (overt) (tidak dibincangkan dalam makalah ini) dan bentuk tidak nyata (non-overt). Selain itu, pembentukan kasus dalam bahasa Melayu ini juga mengambilkira fungsi dan makna FN dalam ayat di samping perubahan bentuk FN tersebut pada struktur luaran. Sebagaimana penghuraian pada bahagian di atas, setiap bentuk kasus bahasa Melayu ini diwakili oleh setiap jenis kasus berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Ciri-ciri pembeza setiap jenis kasus ini dapat dikelaskan berpandukan, misalnya ciri argumen mengikut

penyesuaian kehadiran bersama kata kerja dan jenis penandaan dilakukan terhadap argumen tersebut.

Selain itu, turut dibincangkan mengenai konsep kuasa dan syarat sebalah yang merupakan syarat utama dalam proses penandaan kasus dibuat. Di samping itu, tapisan kasus turut dijelaskan oleh pengkaji terlebih dahulu pada bahagian awal bab yang merupakan syarat utama dalam teori kasus. Di samping itu, pengkaji turut menghuraikan mengenai bentuk penandaan kasus yang terbahagi kepada dua, iaitu secara inheren dan secara struktural mengikut kesesuaian jenis kasus yang ditanda bagi mengikut syarat yang ditetapkan dalam tapisan kasus mengikut konsep teori kasus yang bersandarkan pada aplikasi teori Kuasaan dan Tambatan (1982). Seterusnya, setiap penandaan jenis kasus tersebut juga telah disertakan satu rajah pohon yang mewakili jenis kasus yang dianalisis. Setiap jenis kasus tersebut turut disertakan contoh-contoh ayat supaya penerangan yang dibuat lebih jelas dan boleh difahami.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Nahu Melayu Mutakhir*. (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic structures*. The Hague: Mouton.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of The Theory of Syntax*. Massachusetts: MIT Press.
- Chomsky, N. 1982. *Lectures on Government and Binding: The Pisa Lectures*: Foris Publications. Edisi ketujuh. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Chomsky, N. 1986a. *Barriers*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Chomsky, N. 1986b. *Knowledge of Language. Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger.
- Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi . 2010. Sintaksis Kata Soal Argumen Bahasa Mendriq: Kerangka Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 10 (2), 269-286.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. Struktur Kata Kerja Transitif + Lagi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Lingusitik. Edisi Khas*. 10, 36-47.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2013. *Sintaksis Enklitik-Nya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fillmore, C. J. 1968. *The Case for Case*. In Bach and R. T. Harms, eds. *Universal in Linguistic Theory*. Holt, Reinhart and Winston. New York.
- Grimshaw, J.B. 1990. *Argument Structure*. Cambridge: Massachusetts institute of Technology Press.
- Grimshaw, J. B. 1995. *Struktur Argumen*. (Terj.). Zahrah Abd. Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haegeman, L. 1991. *Introduction to Government and Binding Theory*. Cambridge, Mass: Basil Blackwell.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jackendoff, R. 2002. *Foundations of Language*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Kartini Abd Wahab. 2013. Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. *Jurnal Melayu*. 11 (Disember): 30-50.
- Kartini Abd. Wahab. 2015. Analisis Struktur Pasif Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Minimalis. Tesis Ph.D Tidak terbit, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Lee Jae Kwon. 1999. Kasus dan Pindahan Sintaksis dalam Bahasa Melayu. Tesis Ph.D Tidak terbit. Universiti Malaya.
- Lutfi Abas. 1988. Analisis Tatabahasa Kasus. Dlm: Nik Safiah Karim. *Linguistik Transformasi Generatif*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader. 1988. Pendekatan Teori Kuasaan dan Tambatan dalam Sintaksis/Semantik. Dalam Nik Safiah Karim. *Linguistik Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof, Rogayah A. Razak & Zaharani Ahmad. 2008. Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu: Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*. 8 (2), 242-262.
- Maslida Yusof, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Karim Harun. 2010. Analisis Situasi Kata Kerja Gerak Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. 11, 1-17.
- Mohd Ra'in Shaari. 2004. Objek Sifar Dalam Ketransitifan Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 4(3), 506-532.
- Morenberg, M. 1997. *Doing Grammar*. Oxford University Press.
- Nasrun Alias & Amir Hatin Asmali Jauhari. 2018. Struktur Pasif Dalam Hikayat Hang Tuah Kajian Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2 (4), 1-15.
- Nasrun Alias & Nurul Syuhada Mohd Noh. 2021. Analisis Ayat Songsang Dalam Filem Seniman Bujang Lapok Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Melayu, SI*: 543-560.
- Nasrun Alias & Lian Ching Wei. 2023. Kata Kerja Tanpa Argumen dalam Bahasa Melayu. Kolokium Siswazah Bitara Melayu (KOSIMA). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid Mohd. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood. 2011. *Tatabahasa Dewan*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azuwan Yaakob & Arbak Othman. 2006. Maklumat Leksikal dalam Struktur Kasus dan Argumen dalam Penulisan Berita. *Jurnal Bahasa*. 6 (4), 627-656.
- Nomoto, H. 2018. Sintaksis Nominalisasi Bahasa Melayu. Dlm Rogayah A. Razak & Radiah Yusof (Pnyt.). *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Su Teck. 2017. Struktur dan Peranan Argumen Bahasa Melayu Berdasarkan Teori Tagmemik. Tesis Sarjana Tidak terbit. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. 2021. *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Radiah Yusof. 2014. Penanda Kasus. Dlm Noriah Mohamed & Radiah Yusoff (Ed.) *Pendekatan Kontrastif dan Komparatif Bahasa-Bahasa di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia. hlm. 29-36.
- Ramli Md. Salleh. 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radford, A. 1981. *Transformational Syntax*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*: Utusan Publication.

Stowell, T, 1981. *Origins of Phrase Structure*. Phd. Dissertation. MIT.
Vendler. 2004. Classification of Verb. Dlm. Susan Rothstein. *Structuring Events*: Australia.

Biodata Penulis:

Rusydiah Abd Salam ialah pelajar Doktor Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasrun Alias ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis dan morfologi.